

## **AmBank dan Sime Darby Property Memeterai Perjanjian Melancarkan Inisiatif Digital dan Solusi Pembiayaan Hijau untuk Pembeli Hartanah**

**KUALA LUMPUR, 5 JULAI 2022** – AmBank Group (“AmBank”) dan Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property”) hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (“MoU”) untuk menawarkan pembeli hartanah dengan kaedah pembiayaan mampan (*sustainable financing*) yang baru untuk pembelian rumah Sime Darby Property. Perjanjian ini akan menyediakan pengalaman pelanggan yang lancar dalam perjalanan pembelian rumah Sime Darby Property yang kini akan merangkumi proses permohonan pinjaman yang dipermudahkan melalui ekosistem pemilikan rumah yang holistik, selain memacu agenda transformasi hijau negara.

Sebagai sebahagian daripada kerjasamanya dengan pemaju hartanah yang memulakan transformasi digital dan membentuk semula pembangunan hartanah mereka dengan ciri-ciri mesra alam, AmBank kini menawarkan kadar istimewa untuk mempromosikan inisiatif ini.

Dato’ Sulaiman Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif, AmBank Group berkata, “Kami telah melihat permintaan yang semakin meningkat untuk pembiayaan berkaitan kelestarian kerana kesedaran yang semakin meningkat untuk memerangi perubahan iklim. Kami berbesar hati untuk bekerjasama dengan Sime Darby Property sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk menawarkan pelanggan kami dengan pilihan pembiayaan hijau kerana ia melengkapkan lagi matlamat kami dalam memacu inisiatif kelestarian Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“*Environmental, Social and Governance*” atau “*ESG*”) Kumpulan.”

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata bahawa persefahaman ini dapat melonjakkan kedudukan Sime Darby Property melalui inisiatif digital untuk membekalkan pembeli rumah dengan pengalaman pembelian hartanah yang lebih senang dan menyeluruh.

“Kami adalah salah satu daripada beberapa, jika bukan satu-satunya, pemaju hartanah yang menyediakan kemudahan penjualan digital dan dalam talian yang lengkap untuk pelanggan. Inovasi dalaman kami seperti Sistem Tempahan Dalam Talian dan Galeri Jualan Maya dengan pasukan perundingan dalaman yang berdedikasi telah memberikan kemudahan yang signifikan

bagi pembeli rumah untuk melihat, mendaftar, memilih rumah impian mereka dan menyelesaikan pembayaran dalam talian. Kerjasama ini melengkapkan dan menyempurnakan ekosistem,” kata Dato’ Azmir.

Selain produk-produk perumahan, AmBank juga bekerjasama dengan Sime Darby Property untuk menyediakan pembiayaan kepada pembeli akhir untuk produk-produk perindustrian yang terletak di Elmina Business Park, yang menawarkan sehingga 200% *Margin of Advance* ("MoA") untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Untuk maklumat lanjut mengenai tawaran ini, sila layari [ambank.com.my](http://ambank.com.my) atau pilih mana-mana hartanah yang dipaparkan di [simedarbyproperty.com](http://simedarbyproperty.com).

- TAMAT SIARAN-

#### **About AmBank Group**

AmBank Group is a leading financial services group with over 40 years of expertise in supporting the economic development of Malaysia. We have over three million customers and employ over 9,000 people.

The Group was listed on the Main Market of Bursa Malaysia in 1988. It is the sixth-largest banking group by assets in Malaysia, with a market capitalisation of around RM12 billion and assets of RM170.2 billion as at 31 March 2022.

AmBank Group serves over three million individual and corporate customers. It provides services in wholesale banking, business banking, retail banking, investment banking and related financial services which include Islamic banking, general insurance, life insurance, family takaful, stock and share broking, futures broking, investment advisory and management services in assets, real estate investment trust and unit trusts.

For more information, please visit [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)

**Media Contact:** Syed Anuar Syed Ali | 03-2036 1703 | [sasa@ambankgroup.com](mailto:sasa@ambankgroup.com)

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan kadar kejayaan yang kukuh dalam membangunkan komuniti lestari selama lebih dari 48 tahun. Dengan 24 bandar dan pembangunan yang aktif, Sime Darby Property mempunyai jangkauan luas yang merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property menandakan kehadirannya di UK melalui penglibatannya sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia untuk membangunkan Projek Stesen Janakuasa Battersea di London.

Sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property dan kumpulan dermawannya Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai usaha untuk membantu komuniti kurang berkemampuan yang tinggal di dalam dan berdekatan kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang memenangi pelbagai anugerah dengan pelbagai penghargaan antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property adalah satu-satunya pemaju hartanah Malaysia yang terpilih sebagai komponen indeks Dow Jones Sustainability Indices (DJSI) untuk dua tahun berturut-turut pada tahun 2018 dan 2019.

Ia juga merupakan syarikat pemaju hartanah Malaysia yang pertama dianugerahkan International FIABCI Prix d'Excellence Awards sebanyak dua kali untuk perbandaran Subang Jaya dan UEP Subang Jaya. Syarikat ini meraih emas yang ke-10 secara berturut-turut di Putra Brand Awards 2019 dan yang ke-9 di Top 10 Developers Awards di BCI Asia 2020.

Sime Darby Property juga telah diiktiraf sebagai salah satu pemaju hartanah teratas di Malaysia di dalam The Edge Top Property Developers Awards tahunan, satu pengiktirafan yang sering diterima oleh syarikat ini secara konsisten sejak 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, log masuk ke [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

**Hubungan media:** Sharmila Nair | +6012-617 7860 | [sharmila.nair@simedarbyproperty.com](mailto:sharmila.nair@simedarbyproperty.com)